

**UCAPAN Y. BHG. DATUK REKTOR
SEMPENA
KURSUS ICT SIRI 2 UNTUK GURU-GURU
SEKOLAH MENENGAH/RENDAH &
PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI MELAKA
8 MEI 2002**

**BISMILLAHIRRAHMINIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WBKTH. DAN SALAM SEJAHTERA**

Y. BERUSAHA TUAN Pengerusi Majlis

**Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAMZAH
Ahli Majlis Kerajaan Negeri Melaka
Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Negeri Perindustrian, Sains dan
Teknologi Negeri Melaka**

**Y. BHG. PROF. Madya DR. ZULKIFLI BUANG
Dekan Pusat Perkhidmatan Akademik
Merangkap Pengerusi Kursus ICT Siri 2**

**Y. BHG. PROF. DR. MOHAMMAD ISHAK DESA
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Selaku Pengerusi Bersama**

**UCAPAN Y. BHG. DATUK REKTOR
SEMPENA
KURSUS ICT SIRI 2 UNTUK GURU-GURU
SEKOLAH MENENGAH/RENDAH &
PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI MELAKA
8 MEI 2002**

**BISMILLAHIRRAHMINIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WBKTH. DAN SALAM SEJAHTERA**

Y. BERUSAHA TUAN PENGERUSI MAJLIS

**Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAMZAH
AHLI MAJLIS KERAJAAN NEGERI MELAKA
MERANGKAP PENGERUSI
JAWATANKUASA NEGERI PERINDUSTRIAN, SAINS DAN
TEKNOLOGI NEGERI MELAKA**

**Y. BHG. PROF. MADYA DR. ZULKIFLI BUANG
DEKAN PUSAT PERKHIDMATAN AKADEMIK
MERANGKAP PENGERUSI KURSUS ICT SIRI 2**

**Y. BHG. PROF. DR. MOHAMMAD ISHAK DESA
DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
SELAKU PENGERUSI BERSAMA**

WAKIL-WAKIL UPEN, JAB. PENDIDIKAN MELAKA DAN JAIM

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KUTKM

**SETERUSNYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG
DIHORMATI SEKELIAN**

1. TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN DI ATAS KESUDIAN PIHAK PENGANJUR MENJEMPUT SAYA BAGI MENYAMPAIKAN UCAPAN PADA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KURSUS ICT 2 UNTUK GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH/RENDAH & PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI MELAKA. SEPERTI YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, KURSUS ICT 2 INI ADALAH MERUPAKAN KESINAMBUNGAN KEPADA KURSUS ICT YANG TELAH DIADAKAN PADA PENGHUJUNG TAHUN LEPAS.

2. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA PIHAK PENGANJUR – PPA DAN FTMK- KERANA MENGAMBIL INISIATIF DAN USAHA YANG TERPUJI DALAM MENJAYAKAN AGENDA IT NEGARA. TIDAK LUPA KEPADA PARA PESERTA YANG SUDI MELUANGKAN MASA DALAM USAHA MEMPELAJARI DAN MEMAHIRKAN DIRI DENGAN BIDANG ICT. SAYA

DIMAKLUMKAN BAHAWA KANDUNGAN KURSUS KALI INI ADALAH LEBIH MENDALAM DAN "ADVANCED" BERBANDING KURSUS YANG LALU.

- 3. JIKA SEBELUM INI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN HANYA DIDEHAHKAN KEPADA ASAS KEMAHIRAN MENGGUNAKAN KOMPUTER, DALAM KURSUS KALI INI, TUAN-TUAN DAN PUAN DIDEHAHKAN PULA KEPADA ILMU RANGKAIAN KOMPUTER ATAU "COMPUTER NETWORKING" DAN JUGA PEMBANGUNAN LAMAN WEB SECARA "HANDS-ON". SAYA PERCAYA PENDEKATAN YANG SEBEGINI MAMPU MEMBANTU TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN MENJADI KAKITANGAN AWAM YANG BUKAN HANYA CELIK IT TETAPI JUGA YANG PAKAR IT.**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,

- 4. SESUNGGUHNYA, PENGUASAAN DALAM TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI ATAUPUN ICT BUKANLAH SATU PILIHAN TETAPI ADALAH SATU KEMESTIAN KEPADA KITA SEMUA JIKA INGIN BERSAING DI ALAF BARU INI. KEMUNCULAN ICT TELAH LAMA BERLAKU DAN TEKNOLOGI INI**

SEKARANG MENYELUBUNGI KEHIDUPAN KITA SEMUA DALAM SEGALA URUSAN. TEKNOLOGI INI TELAH BERADA DI TENGAH-TENGAH KEHIDUPAN KITA SEKARANG DAN AKAN TERUS MEMPENGARUHI CARA HIDUP KITA DI MASA-MASA AKAN DATANG.

- 5. DALAM HAL INI, ICT MENJADI SATU "DICTATING TECHNOLOGY" YANG DINAMIK YANG TIDAK BOLEH KITA PERKECILKAN. PEMBANGUNAN ICT MEWUJUDKAN PRODUK-PRODUK BARU YANG BERUPAYA MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KECEKAPAN DALAM BIDANG KERJA SERTA EKONOMI SEKALIGUS MEMUDAHKAN URUSAN HARIAN. KESAN DARIPADA INI, ICT TELAH MENGUBAH DAN AKAN TERUS MENUKAR CARA DAN CORAK KEHIDUPAN KITA, BAIK DI RUMAH MAHUPUN DI TEMPAT KERJA.**

- 6. KEMAHIRAN DALAM BIDANG ICT INI JUGA ADALAH MERUPAKAN SATU PRA-SYARAT UTAMA MENJADIKAN NEGARA KITA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG KOMPETITIF DI ARENA ANTARABANGSA. INI DAPAT KITA LIHAT MELALUI SARANAN YAB PERDANA MENTERI KETIKA MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT KEBANGSAAN (NICT) PADA 23 APRIL YANG LALU.**

TEGAS BELIAU " JIKA SEMUA PIHAK MELIBATKAN DIRI DALAM MENGUASAI ICT, NEGARA TIDAK AKAN KETINGGALAN MALAH MENJADI LEBIH KOMPETITIF".

7. TERPANGGIL DENGAN SARANAN BELIAU, MAKA PIHAK KUTKM SELAKU INSTITUSI PENGAJIAN AWAM BERTERASKAN KEMAHIRAN TEKNIKAL SECARA "HANDS-ON" MENYAHUT CABARAN BAGI MEMBANGUNKAN KEMAHIRAN ICT DI KALANGAN MASYARAKAT TERUTAMANYA DI KALANGAN KAKITANGAN AWAM. KERJASAMA SECARA PINTAR INI TELAH DIADAKAN BERSAMA-SAMA DENGAN UPEN, JPM DAN JAIM DENGAN HASRAT AGAR ILMU YANG DICURAHKAN KEPADA PARA PESERTA AKAN SETERUSNYA DAPAT DIKEMBANGKAN KEPADA ORANG RAMAI.

8. SAYA SECARA PERIBADI TIDAK MAHU PELABURAN YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN DALAM MENJAYAKAN AGENDA ICT NEGARA MENJADI SATU PELABURAN YANG SIA-SIA. SEKILAS PANDANG, AGENDA ICT NEGARA INI BERTUJUAN MEWUJUDKAN MASYARAKAT BERPENGETAHUAN, BERMAKLUMAT DAN BERBUDAYA IT. UNTUK TUJUAN INI, KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN RATUSAN JUTA RINGGIT

UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM SEPERTI APLIKASI PERDANA KERAJAAN ELEKTRONIK, SEKOLAH BISTARI, TELEPERUBATAN, KAD PINTAR DAN INTERGRASI APLIKASI. SELAIN DARIPADA ITU, PROGRAM PENINGKATAN PERKOMPUTERAN TURUT DILAKSANAKAN DI KEMENTERIAN/JABATAN DAN SEKOLAH-SEKOLAH.

9. KESEMUA INI MEMERLUKAN KITA SEBAGAI KAKITANGAN AWAM UNTUK MENGUASAI KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN DALAM BIDANG ICT. INI KERANA, SELAKU PENDOKONG DASAR-DASAR KERAJAAN, KAKITANGAN AWAM HARUS JUGA MENJADI BARISAN HADAPAN YANG AKAN MENJAYAKAN AGENDA ICT INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,

10. KUTKM SELAKU PENDOKONG HASRAT KERAJAAN TERUTAMANYA DALAM BIDANG PENDIDIKAN TEKNIKAL BERTERASKAN "HANDS-ON" AKAN SENTIASA BERKONGSI KEPAKARAN YANG KITA MILIKI DENGAN MASYARAKAT. INI MERUPAKAN SALAH SATU TANGGUNGJAWAB SOSIAL YANG PERLU

KITA LAKSANAKAN. MELALUI FAKULTI-FAKULTI YANG KITA ADA, KITA SEDIA BEKERJASAMA DALAM MEMBANGUNKAN MASYARAKAT YANG BERPENGETAHUAN ATAUPUN K-SOCIETY.

11. SEKALI PANDANG ISI KANDUNGAN KURSUS ICT 2 INI, SAYA MENJANGKAKAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DI AKHIR KURSUS INI, TELAH PUN MENJADI ORANG YANG LEBIH BERPENGETAHUAN DALAM ICT. HARAPAN SAYA AGAR IANYA DISAMPAIKAN KEPADA KAKITANGAN BAWAHAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN. INI JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN KEPADA ORANG LAIN SETERUSNYA MENGHILANGKAN FOBIA KITA TERHADAP PERKEMBANGAN TEKNOLOGI KHUSUSNYA ICT.

12. MANAKALA BAGI PARA GURU PULA, KEMAHIRAN YANG TELAH DIPEROLEHI INI DIHARAPKAN DAPAT MEMBANTU DALAM MENYEDIAKAN PELAJARAN DALAM BENTUK E-PENGETAHUAN ATAUPUN "E-LEARNING" KEPADA PARA PELAJAR. MELALUI "E-LEARNING" INI, GURU DAN PELAJAR AKAN SENTIASA DIHUBUNGKAN TIDAK KIRA MASA DAN TEMPAT. IA JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG MEMUDAHKAN KEDUA-DUA BELAH

PIHAK DALAM PROSES PEMBELAJARAN KERANA SEMUA MAKLUMAT DAPAT DI AKSES SECARA "ON-LINE". INI SETERUSNYA MAMPU MENGUBAH CARA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KE ARAH YANG LEBIH BERKESAN DAN TERKINI.

13. AKHIR KATA, SAYA MENGHARAPKAN SEGALA ILMU YANG TUAN-TUAN DAN PUAN PEROLEHI DI SINI AKAN DIMANFAATKAN SEBAIK-BAIKNYA. SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG TELAH BEKERJASAMA DENGAN KUTKM UNTUK MENJAYAKAN KURSUS KALI INI. SEMOGA IANYA AKAN SATU USAHA YANG BETERUSAN DALAM HASRAT KITA UNTUK MEMBANGUNKAN MASYARAKAT YANG CELIK IT.

SEKIAN, TERIMA KASIH.